



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

RAMPASAN KARKAS BABI YANG DIIMPORT DARI NEGARA BRAZIL DAN RUSSIA YANG TIDAK DISENARAikan DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(1)(b), AKTA BINATANG 1953 [AKTA 647]

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan bahawa Jabatan ini telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan lanjutan hasil risikan ke atas maklumat awam yang diterima berkaitan kemasukan karkas babi sejuk beku yang tidak dibenarkan import dari negara Brazil dan Russia yang tidak disenaraikan di Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953 [Akta 647].

Operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara dua (2) peringkat pada bulan Mei/Jun 2023 dan November 2023 di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Hasil daripada operasi, DVS telah berjaya mengambil tindakan rampasan ke atas karkas babi yang diimport dari negara Brazil dan Russia dan karkas babi yang tidak berlabel di sebelas (11) lokasi iaitu tujuh (7) di negeri Selangor dan empat (4) di negeri Johor.

Jumlah keseluruhan rampasan karkas babi sebanyak 199,605 kilogram (199.605 tan metrik), 5 buah kontena, 1 unit mesin pengikat tali untuk kotak dan 59 gelung tali pengikat. Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM4.3 juta.

Kesemua karkas babi yang dirampas telah dilupuskan setelah permohonan perintah pelupusan di bawah Subseksyen 68(3), Akta Binatang 1953 diluluskan oleh pihak mahkamah.

Kes disiasat di bawah:

- i. Sembilan (9) kes di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953 [Akta 647] berkaitan karkas babi dari negara Brazil dan Russia yang tidak disenaraikan sebagai negara yang dibenarkan import.

- ii. Dua (2) kes di bawah Subkaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009, Akta Binatang 1953 kerana memiliki karkas babi yang tidak disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau dilesenkan berdasarkan tiada apa-apa tanda lagenda pada karkas.

DVS mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini kerana ia memberi kesan dalam aspek kawalan penyakit berpunca daripada ternakan terutama penyakit *African Swine Fever (ASF)* yang boleh menjejaskan industri penternakan babi. Tindakan tegas akan diambil terhadap pengimport, penyimpanan dan penjualan karkas babi bagi memastikan pengimportan karkas babi adalah dari negara yang dibenarkan di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953 [Akta 647].

DVS akan terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan berkaitan perkara ini dan turut menjalin hubungan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tindakan bersepadu akan melibatkan pemeriksaan premis penyimpanan produk sejuk beku, pemprosesan makanan berasaskan babi, penjualan karkas babi dan restoran.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
13 NOVEMBER 2023